

Muhyiddin umum peruntukan khas RM2 juta, gesa penulis dan sasterawan sokong BN

Malaysian Insider

April 15, 2013

Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 15 April — Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengumumkan peruntukan khas bernilai RM2 juta kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), walaupun Dewan Rakyat telah dibubarkan dan kerajaan ketika ini berstatus "kerajaan sementara".

Muhyiddin berkata pemberian tersebut bertujuan untuk menggalakkan DBP menghasilkan dan mengeluarkan karya bermutu.

"Sukacita ingin saya maklumkan, kerajaan bersetuju untuk memberikan peruntukan khas bernilai RM2 juta kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menggalakkan penghasilan karya yang bermutu oleh penulis dan sasterawan negara," kata Muhyiddin dalam satu

Majlis Ramah Mesra Penulis di Hotel Seri Pacific pagi ini disini.

Timbalan perdana menteri kerajaan sementara itu juga menegaskan kerajaan tidak pernah melupakan jasa penulis

dan sasterawan yang turut menyumbang kepada pembangunan negara.

"Penulis dan sasterawan adalah penting untuk negara, malahan sejak Kemerdekaan merekalah yang banyak berjuang.

"Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf penulis dan sasterawan negara," katanya lagi.

Menurut Muhyiddin lagi, Umno juga seperti penulis dan sasterawan negara yang matlamatnya sama iaitu memartabatkan bahasa Melayu dan ia termaktub dalam perlembagaan parti utama kaum Melayu tersebut.

"Umno sejak dahulu lagi memartabatkan bahasa Melayu, malahan dalam perlembagaan Umno sudah termaktub bahasa Melayu sebagai bahasa tunggal dalam negara.

"Dan ia menjadi asas kekal dalam Umno hingga hari ini," katanya lagi.

Disamping itu, Muhyiddin juga menggesa penulis dan sasterawan negara untuk terus menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum yang akan diadakan 5 Mei ini.

"Sekarang kita sudah di landasan yang betul dan berada di jalan yang baik.

"Tuan-tuan, kalau kita tiba-tiba tukar keretapi di atas landasan ini, tidak mustahil ia akan menyebabkan kita terhumban ke dalam gaung," katanya lagi.

Isu bahasa menjadi pertikaian sejak Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) diperkenalkan pada 2003, kemuncaknya ialah apabila Gerakan Mansuhkan PPSMI (GMP) mengadakan himpunan besar-besaran pada 2009 sehingga kerajaan terpaksa mengubah semula keputusan mereka pada tahun 2011.

Dalam pilihan raya bersejarah 2008, BN kehilangan majoriti tradisional dua pertiga dan hilang lima negeri.

Prestasi mengecewakan itu menyebabkan Tun Abdullah Ahmad Badawi keluar dari pejabat dan memberi laluan kepada penggantinya Datuk Seri Najib Razak untuk menebus kekalahan merugikan yang dialami BN pada 2008.

Tempoh secara rasmi bermula pada 20 April dan hari mengundi jatuh pada 5 Mei.

Pilihan Raya 2013 dianggap paling sengit dalam sejarah negara sejak mencapai kemerdekaan pada 1957, kajian bebas menunjukkan BN mungkin boleh memenangi pilihan raya tetapi tipis dengan memperoleh 117 kerusi berbanding Pakatan Rakyat 105 kerusi sahaja.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-rm2j-akan-disalur-kepada-dewan-bahasa-dan-pustaka/>